

24 MAR 2001

Mahkamah-Penggiliran (Bergambar)

PERMOHONAN INJUNKSI HALANG PELANTIKAN CHONG DIBATALKAN

KOTA KINABALU, 24 Mac (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini membatalkan permohonan injunksi yang difailkan oleh tiga ahli perniagaan untuk menghalang Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Sakaran Dandai daripada melantik Datuk Chogn Kah Kiat sebagai ketua menteri yang baru.

Hakim Datuk Richard Malanjan membuat perintah itu di kamarnya selepas mendengar penghujahan kedua-dua pihak terhadap persoalan itu.

Ketiga-tiga ahli perniagaan itu diwakili oleh Datuk James Ghani manakala Sakaran selaku defendan pertama, diwakili pemangku Peguam Negeri Halima Nawab Khan manakala Chong yang dinamakan defendan kedua diwakili oleh Richard Barnes dan Roderic Fernandez.

Ghani berkata permohonan itu dibatalkan berdasarkan alasan bahawa ketiga-tiga plaintif tidak mempunyai locus standi (layak di segi undang-undang) untuk memohon satu injunksi terhadap kerajaan.

Chong, 53, dijadual mengangkat sumpah di Istana Negeri, Selasa ini.

"Langkah seterusnya ialah untuk meneruskan permohonan kami untuk penetapan dan berharap untuk mendapat tarikh perbicaraan yang awal," kata Ghani ketika ditemui di luar mahkamah.

Tiga ahli perniagaan berkenaan, Kaiman Buangan, Abdul Rajik Arin dan Ismail Jamlang dari Kota Belud, memohon injunksi itu sementara menunggu permohonan penetapan mengenai kesahihan pelantikan Chong mengikut sistem penggiliran.

Dalam affidavit yang difailkan bagi menyokong permohonan itu, mereka berkata pelantikan Chong, yang juga Presiden Parti Demokratik Liberal (LDP), sebagai ketua menteri oleh Sakaran, tidak sah dan tidak mengikut undang-undang.

Bahagian I Artikel 6 (3) Perlembagaan Sabah menyebut bahawa pelantikan Ketua Menteri perlu dibuat oleh Yang Dipertua Negeri Sabah.

Mereka mendakwa bahawa, pada 16 Mac, lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melalui media mengumumkan bahawa ketua menteri Sabah berikutnya akan dilantik berdasarkan kepada sistem penggiliran jawatan itu.

Pada hari yang sama, Dr Mahathir mengumumkan bahawa Chong akan mengambil alih jawatan ketua menteri daripada Datuk Osu Sukam.

Ahli-ahli perniagaan itu juga berkata pelantikan itu tidak mematuhi Artikel 6 (7) perlembagaan negeri yang menetapkan bahawa ketua menteri mestilah seorang pemimpin parti politik dan perlu menjadi anggota Dewan Undangan Negeri serta mendapat keyakinan majoriti anggota dewan itu.

Dalam kes ini, mereka berpendapat parti politik pimpinan Chong tidak memenangi majoriti kerusi dalam pilihan raya negeri pada pilihan raya umum lepas.

Bagi menyokong permohonan untuk penetapan, mereka berhujah bahawa sistem penggiliran bagi jawatan ketua menteri tidak diperuntukkan dalam perlembagaan negeri selain tiada peruntukan tempoh jawatan selama dua tahun bagi jawatan ketua menteri serta ketua menteri mesti daripada satu daripada tiga kaum iaitu Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina.

-- BERNAMA

NT AZZ LAT MAI